

Alliance Privilege Banking Membership Terms and Conditions



ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W)

All Alliance Privilege Banking (PB) customer(s) shall be bound by the Terms and Conditions herein. In this Terms and Conditions, "you" refers to you, your joint account holder or your authorised person who are PB customer(s) of Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank").

1. Membership

You will need to meet our eligibility criteria(s) (as revised from time to time) to become a PB customer. Notwithstanding that you have met with our eligibility criteria(s), your admission as a PB customer is at the Bank's discretion with prior notice.

Eligibility Criteria

- i. Minimum RM300,000 and above at all times in Deposits (excluding Savelink Account) and/or Investments (excluding Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") & Bancassurance Regular Premium ("RP")) with the Bank and open at least one of the following accounts with the Bank with a minimum deposit of RM10,000:
 - a. Alliance Hybrid Account
 - b. Alliance SavePlus Account, OR
- ii. Have an approved individual housing loan or Alliance ONE Account of a minimum of RM1,000,000 and above for the first twelve (12) months from the commencement date of the PB Membership. Thereafter, from the thirteenth (13th) month onwards, customer must fulfil the eligibility criteria as per Clause 1 (i) above, OR
- iii. For Alliance SME and Alliance@Work Customers, a minimum of RM100,000 and above at all times in Deposits (excluding Savelink Account) and/or Investments (excluding Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") & Bancassurance Regular Premium ("RP")) for the first twelve (12) months from the commencement date of the PB membership with the Bank and open at least one of the following accounts with the Bank with a minimum deposit of RM10,000:
 - a. Alliance Hybrid Account
 - b. Alliance SavePlus Account;

Thereafter, from the thirteenth (13th) month onwards, customer must fulfil the eligibility criteria as per Clause 1 (i) above to maintain minimum of RM300,000 and above at all times in Deposits (excluding Savelink Account) and/or Investments (excluding Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") & Bancassurance Regular Premium ("RP")) with the Bank.

2. PB Services and Privileges

Apart from the PB services and privileges herein, separate terms and conditions shall govern and be applicable to such products and services of the Bank. The Bank may vary, suspend, withdraw or terminate any or all of the services and/or privileges under PB at any time with notice to you and without assigning any reason thereof. Find out more on the current services and privileges available by contacting your Relationship Manager, Priority Service Line, visiting our Alliance Privilege Banking Centres or our PB website at <http://www.alliancebank.com.my/AlliancePrivilege>.

2.1. Privilege Solutions

The Bank may introduce to you other PB privileges and services provided by third parties from time to time. Any services or privileges provided by third parties are subjected to their terms and conditions and the Bank will not be liable for any losses that you may incur in connection with such services.

2.2. Privilege Pricing

- **Alliance Privilege Debit Card:** You may be issued with an Alliance Hybrid PB Platinum Debit Card upon opening of an Alliance Hybrid or Alliance SavePlus Account ("Alliance Privilege Debit Card"). Alliance Privilege Debit Card issuance fee and annual fee waiver is extended throughout the duration of your PB membership. Upon termination of your PB membership, you have to surrender the Alliance Privilege Debit Card to the Bank and a Standard Debit Card will be issued to you and all the issuing fee and annual fee will be charged to you accordingly.
- **Visa Infinite Credit Card:** PB customers with a minimum income of RM60,000 per annum ("p.a.") are entitled to apply for a Visa Infinite Credit Card.
- **Visa/MasterCard Credit Card annual fee waiver (For Visa Infinite & Platinum Credit Card Only):** The annual

fee waiver is extended throughout the duration of your PB membership. Upon termination of your PB membership, the Bank's prevailing annual fee for credit card will be charged to you accordingly.

- **ATM Cash Withdrawal:** You can enjoy unlimited fee waiver with your Alliance Privilege Debit Card on ATM cash withdrawals made at any Local Bank MEPS ATM nationwide. The fee charged per transaction will be credited into the withdrawal account by the next working day of the transaction date.
- **Unit Trust¹:** You are entitled to lower sales charges on selected unit trust funds for first time unit trust subscription and unit trust subscription made during your birthday month.
- **Non Margin Trading Account and Share Margin Financing Account:** You are entitled to a waiver on account opening administration fees.
- **Share Margin Financing:** You are entitled to preferential share margin financing interest rate.
- **Share Trading:** You are entitled to preferential online brokerage fees.
- **Home Loan:** You are entitled to a waiver on processing fee for Personal Conventional Non Flexi Home Loan.
- **Alliance ONE Account Program:** You are entitled to preferential rates on Alliance ONE Account overdraft facility only.
- **Commission and Stamp Duty Waivers:** The Bank may waive all commission and stamp duty on Alliance Bank Malaysia Berhad's demand drafts intended for PB customer's personal utilisation and not otherwise. This waiver (where applicable) shall only be granted on initial issuance and not upon cancellation and/or reissuance and/or for subsequent issuance (whether for the same beneficiary or otherwise) and/or clearance.
- **Telegraphic Transfer:** The Bank may waive the remittance bank charge for telegraphic transfer. However, you will still need to pay remittance cable charge for each transaction.

¹ PB customers who invest in any one of the selected unit trust funds from selected Unit Trust Management Companies which shall be determined by the Bank ("Participating Unit Trust Funds") will be entitled to enjoy the relevant sales charges as specified in the table below subject to the minimum investment amount and terms and conditions herein:

Offer	Unit Trust Sales Charge	Minimum Investment Amount
A. 1% Birthday Month Offer	1%	As per Fund Prospectus
B. New-to-Investment Offer	1%	RM 50,000

- The "1% Birthday Offer" is applicable to PB customers who subscribes for any Participating Unit Trust Funds during the month which their birthday falls on.
- The "New-to-Investment Offer" is applicable to PB customers with no existing unit trust account/profile/record in our banking system regardless it being a primary or joint/secondary account. PB customers must invest a minimum of RM50,000 in the Participating Unit Trust Funds, which amount may comprise of a combination of investments in different Participating Unit Trust Funds provided that the transactions are made on the same day.
- The funds used for the unit trust investment must be fresh funds ("Fresh Funds"). Fresh Funds is defined as follows:
 - Cheques issued in the name of the PB customer from another bank in Malaysia other than the Bank and/or Alliance Islamic Bank("AIS");
 - Funds from another bank in Malaysia other than the Bank and/or AIS which are deposited into any of the PB customer's account with the Bank for a period not more than seven (7) days; and
 - Funds originated from outside of the Bank and/or AIS i.e. funds NOT originated from any existing savings/current/fixed deposit account(s) of the Bank.
- The above Sales Charges are not applicable to ASNB Variable/Fixed Price Fund, Money Market Fund, Regular Savings Plan, and EPF Members Investment Scheme.

2.3. Privilege Services

- **Banking Teller Services:** You can enjoy priority queue service when you perform your deposit and/or withdrawal and/or remittance transactions at any of the Bank's Privilege Banking Centre/Teller counters.
- **Withdrawal Service:** You are entitled to a Passbookless Withdrawal Service. However, you must be present in person at the Bank's branch and must produce your personal identity card upon request for purpose of identification and verification. This facility is meant for personal account holders only and withdrawals are restricted to the account holder i.e. third party withdrawals are not permitted.
- **Withdrawal of Fixed Deposit ("FD") funds without FD receipt:** You are entitled to withdraw your FD without the FD receipt. However, you will have to sign a Letter of Indemnity stating that you cannot claim the fund again at a later date with the receipt in your possession. You must produce your personal identity card upon request for the purpose of identification and verification.
- **Free Access to Plaza Premium Lounge:** You can enjoy complimentary access to Plaza Premium Lounge at

Kuala Lumpur International Airport (KLIA) and Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2) with your Alliance Privilege Debit Card. However, you will need to produce your Alliance Privilege Debit Card in order to enjoy complimentary access. Please take note that the access to Plaza Premium Lounge in KLIA and KLIA 2 is limited to ninety (90) members and seventy (70) members only per month respectively. The Bank reserves the right and you hereby authorise the Bank to charge the applicable Plaza Premium Lounge access fee to your Alliance Bank Debit/Credit Card if you fail to meet the eligibility criteria(s) herein at any and all times while accessing the Plaza Premium Lounge.

3. Information

You hereby agree and authorise the Bank to disclose any information about or with regards to you, your affairs and/or banking accounts to any third party service provider or vendor engaged for the purposes of providing or fulfilling the PB privileges and services. You further agree and authorise the Bank to disclose to the Bank's group of companies which are involved in the promotion, sale, delivery and distribution of financial products and services to facilitate the operations, businesses, cross-selling, strategic alliances, marketing and/or promotional purposes of the Bank and/or the Bank's group of companies. Notwithstanding the generality of the foregoing, the Bank acknowledges that it shall only disclose your information (excluding information relating to your affairs or account) to third parties, including the Bank's group of companies which are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted in Malaysia, for purposes of cross-selling, strategic alliances, marketing and promotional purposes, if you have expressly consented to such disclosure.

4. Change of Address and Contact Details

You shall promptly notify the Bank in writing of any changes in your mailing address and contact details.

5. Termination of PB Membership

- 5.1. PB membership is subject to you continuously meeting the Bank's eligibility criteria(s). If the eligibility criteria(s) are not met at any point in time, the Bank at its discretion may downgrade your PB membership with prior notice to you.
- 5.2. You may terminate your PB membership by giving the Bank a written notice.
- 5.3. Your PB membership and all PB services and privileges shall be terminated forthwith upon your death or bankruptcy.
- 5.4. PB membership is extended to you at the Bank's discretion and the Bank may cancel your PB membership at any time with prior notice to you without assigning any reason thereof.

6. Fees and Charges

Unless otherwise specified herein, the Bank's charges exclude any current taxes and future taxes that may be imposed under the relevant legislation. Upon the effective date of implementation of any such taxes in the future and wherever applicable, the Bank shall be entitled to recover such taxes from you.

7. Limitation of Liability and Indemnity

- 7.1. The Bank shall not be liable or held responsible to you in any manner if the Bank or any third party service provider or vendor is unable to perform any of its obligations hereunder or fulfill the PB privileges and services directly or indirectly due to any force majeure event which include but not limited to any act of God, war, strike, riot, industrial dispute, lockout, fire, drought, flood, storm or any event beyond the reasonable control of the Bank.
- 7.2. Any cancellation, termination or suspension of the PB privileges and services or the PB membership shall not entitle you to any claim or compensation against the Bank or for any and all losses or damages suffered or incurred by you as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
- 7.3. You shall fully indemnify the Bank against all costs and expenses (including legal fees on an indemnity basis) incurred by the Bank in enforcing this Terms and Conditions and the recovery of any amounts due to the Bank or incurred by the Bank in any legal proceedings.

8. Waiver

No waiver by the Bank in the enforcement of any of this Terms and Conditions shall prejudice the Bank's right thereafter to strictly enforce the same.

9. Amendment of Terms and Conditions

The Bank reserves the right to amend, add and/or delete the Terms and Conditions from time to time with prior notice to you by way of posting on the Bank's website, display at branch premises or advertisements or by any other means of notification

which the Bank may select and such amendment, addition and/or deletion shall be binding on you as from the date of the notification or from such other date as may be specified by the Bank in the notification.

10. Governing Law

This Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

11. Language

If there is/(are) any inconsistency(ies), conflict(s), ambiguity(ies) or discrepancy(ies) between the Bahasa Malaysia version and English version or any other language versions of this Terms and Conditions herein, the English version of this Terms and Conditions shall prevail.

Semua pelanggan Alliance Privilege Banking (PB) adalah terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Dalam Terma dan Syarat tersebut, “anda” merujuk kepada anda, pemegang akaun bersama anda atau individu yang diberi kuasa oleh anda yang merupakan pelanggan PB di Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”).

1. Keahlian

Anda perlu memenuhi kriteria kelayakan kami (sebagaimana yang disemak dari semasa ke semasa) untuk menjadi pelanggan PB. Walaupun anda memenuhi kriteria kelayakan kami, penerimaan anda sebagai pelanggan PB adalah menurut budi bicara Bank yang didahului oleh notis.

Kriteria Kelayakan

- i. Minimum Deposit (tidak termasuk Savelink Account) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) & Bancassurance Regular Premium (“RP”)) sebanyak RM300,000 dan ke atas pada setiap masa dengan Bank dan membuka sekurang-kurangnya salah satu daripada akaun-akaun berikut dengan jumlah deposit minimum sebanyak RM10,000:
 - a. Akaun Alliance Hybrid
 - b. Akaun Alliance SavePlus, ATAU
- ii. Memiliki Pinjaman Perumahan individu yang telah diluluskan atau Akaun Alliance ONE dengan minimum sebanyak RM1,000,000 dan ke atas bagi dua belas (12) bulan pertama dari tarikh kuatkuasa Keahlian PB. Selepas tempoh tersebut, bermula dari bulan ketiga belas (ke-13) dan seterusnya, pelanggan dihendaki memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana Klausula 1 (i) di atas, ATAU
- iii. Bagi Pelanggan Alliance SME dan Alliance@Work, minimum Deposit (tidak termasuk Savelink Account) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) & Bancassurance Regular Premium (“RP”)) sebanyak RM100,000 dan ke atas pada setiap masa bagi dua belas (12) bulan pertama dari tarikh kuatkuasa Keahlian PB dengan Bank dan membuka sekurang-kurangnya salah satu daripada akaun-akaun berikut dengan jumlah deposit minimum sebanyak RM10,000:
 - a. Akaun Alliance Hybrid
 - b. Akaun Alliance SavePlus;

Selepas tempoh tersebut, bermula dari bulan ketiga belas (ke-13) dan seterusnya, pelanggan dihendaki memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana Klausula 1 (i) di atas dengan mengekalkan minimum Deposit (tidak termasuk Savelink Account) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) & Bancassurance Regular Premium (“RP”)) sebanyak RM300,000 dan ke atas pada setiap masa dengan Bank.

2. Perkhidmatan dan Keistimewaan PB

Selain daripada perkhidmatan dan keistimewaan PB yang terkandung di sini, terma dan syarat yang berasingan akan mentadbir dan dikenakan terhadap produk dan perkhidmatan tersebut yang disediakan oleh Bank. Bank boleh mengubah, menggantung, menarik balik atau menamatkan mana-mana atau kesemua perkhidmatan dan/atau keistimewaan di bawah PB pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda dan tanpa perlu memberikan sebarang sebab. Ketahui dengan lebih lanjut mengenai perkhidmatan dan keistimewaan semasa yang tersedia untuk anda dengan menghubungi Pengurus Perhubungan anda, Talian Perkhidmatan Keutamaan, melawat Pusat Perbankan Alliance Privilege atau laman web PB kami di <http://www.alliancebank.com.my/AlliancePrivilege>.

2.1. Penyelesaian Istimewa

Bank boleh memperkenalkan kepada anda lain-lain keistimewaan dan perkhidmatan PB yang disediakan oleh pihak ketiga dari semasa ke semasa. Sebarang perkhidmatan atau keistimewaan yang disediakan oleh pihak ketiga adalah tertakluk kepada terma dan syarat mereka dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh anda berkenaan dengan perkhidmatan tersebut.

2.2. Penentuan Harga Istimewa

- **Kad Debit Alliance Privilege:** Anda boleh mendapat Kad Debit Alliance Hybrid PB Platinum setelah membuka

Akaun Alliance Hybrid atau Alliance SavePlus (“Kad Debit Alliance Privilege”). Pengecualian fi terbitan dan tahunan bagi Kad Debit Premium Alliance Privilege diberikan sepanjang tempoh keahlian PB anda. Setelah keahlian PB anda tamat, anda perlu menyerahkan Kad Debit Alliance Privilege dan Kad Debit Standard akan dikeluarkan untuk anda dan segala fi terbitan dan tahunan yang sewajarnya akan dikenakan kepada anda.

- **Kad Kredit Visa Infinite:** Pelanggan PB yang mempunyai pendapatan minimum sebanyak RM60,000 setahun (“p.a.”) adalah layak untuk memohon Kad Kredit Visa Infinite.
- **Pengecualian fi tahunan Kad Kredit Visa/MasterCard (Bagi Kad Kredit Visa Infinite & Platinum Sahaja):** Pengecualian fi tahunan diberikan sepanjang tempoh keahlian PB anda. Setelah keahlian PB anda tamat, fi tahunan yang dikenakan oleh Bank bagi kad kredit akan dikenakan kepada anda.
- **Pengeluaran Tunai ATM:** Anda boleh menikmati pengecualian tidak terhad dengan Kad Debit Alliance Privilege anda bagi pengeluaran tunai di ATM yang dibuat di mana-mana ATM MEPS Bank Tempatan di seluruh negara. Fi yang dikenakan bagi setiap transaksi akan dikreditkan ke dalam akaun pengeluaran pada hari bekerja yang berikutnya selepas tarikh transaksi tersebut.
- **Unit Amanah¹:** Anda berhak untuk mendapat caj jualan yang lebih rendah bagi dana amanah saham terpilih bagi langganan unit amanah yang pertama dan langganan unit amanah yang dibuat dalam bulan kelahiran anda.
- **Akaun Dagangan Tanpa Margin dan Akaun Pembiayaan Margin Saham:** Anda berhak untuk mendapat pengecualian bagi fi pentadbiran pembukaan akaun.
- **Pembiayaan Margin Saham:** Anda berhak untuk mendapat kadar faedah keutamaan pembiayaan margin saham.
- **Dagangan Saham:** Anda berhak untuk mendapat fi pembrokeran keutamaan dalam talian.
- **Pinjaman Perumahan:** Anda berhak untuk mendapat pengecualian bagi fi pemprosesan untuk Pinjaman Perumahan Peribadi Konvensional Non Flexi.
- **Program Akaun Alliance ONE:** Anda berhak untuk mendapat kadar keutamaan hanya bagi kemudahan overdraf Akaun Alliance ONE.
- **Pengecualian Komisen dan Duti Setem:** Bank boleh mengecualikan segala komisen dan duti setem bagi draf permintaan Alliance Bank Malaysia Berhad untuk kegunaan peribadi pelanggan PB dan bukan sebaliknya. Pengecualian ini (di mana terpakai) hanya akan diberikan bagi terbitan permulaan dan bukan setelah pembatalan dan/atau terbitan semula dan/atau bagi terbitan seterusnya (sama ada benefisiari yang sama atau sebaliknya) dan/atau penjelasan.
- **Pemindahan Bertelegraf:** Bank boleh mengecualikan caj kiriman wang bank bagi pemindahan bertelegraf. Bagaimanapun, anda masih perlu membayar caj kabel kiriman wang bagi setiap transaksi.

¹ Pelanggan PB yang melabur dalam salah satu daripada dana amanah saham yang terpilih dari Syarikat Pengurusan Amanah Saham yang terpilih yang akan ditentukan oleh Bank (“Dana Amanah Saham yang Mengambil Bahagian”) berhak menikmati caj jualan yang berkenaan sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual di bawah tertakluk kepada amaun pelaburan minimum dan terma dan syarat yang terkandung di sini:

Tawaran	Caj Jualan Unit Amanah	Amaun Pelaburan Minimum
A. Tawaran Bulan Kelahiran 1%	1%	Sebagaimana yang dinyatakan pada Prospektus Dana
B. Tawaran bagi Pelabur Baru	1%	RM 50,000

- “Tawaran Bulan Kelahiran 1%” adalah untuk pelanggan PB yang melanggan mana-mana Dana Amanah Saham yang Mengambil Bahagian dalam bulan kelahiran mereka.
- “Tawaran bagi Pelabur Baru” adalah untuk pelanggan PB yang tidak mempunyai akaun/profil/rekod unit amanah sedia ada dalam sistem perbankan kami tanpa mengira sama ada ia adalah akaun utama atau akaun bersama/ke dua. Pelanggan PB perlu membuat pelaburan minimum sebanyak RM50,000 dalam Dana Amanah Saham yang Mengambil Bahagian, di mana amaun tersebut boleh terdiri daripada gabungan pelaburan dalam Dana Amanah Saham yang Mengambil Bahagian yang berlainan, dengan syarat transaksi tersebut dibuat pada hari yang sama.
- Dana yang digunakan bagi pelaburan unit amanah mestilah dana baru (“Dana Baru”). Dana Baru ditakrifkan seperti berikut:
 - Cek yang dikeluarkan atas nama pelanggan PB dari bank lain di Malaysia selain daripada Bank dan/atau Alliance Islamic Bank (“AIS”);
 - Dana dari bank lain di Malaysia selain daripada Bank dan/atau AIS yang didepositkan ke dalam mana-mana akaun pelanggan PB dengan Bank bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh (7) hari; dan
 - Dana dari luar Bank dan/atau AIS iaitu dana yang BUKAN berasal dari mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap sedia ada di Bank.
- Caj Jualan di atas tidak boleh digunakan bagi Dana Harga Berubah-ubah/Tetap ASNB, Dana Pasaran Wang, Pelan Simpanan Biasa, dan Skim Pelaburan Ahli KWSP.

2.3. Perkhidmatan istimewa

- **Perkhidmatan Juruwang Banking:** Anda boleh menikmati perkhidmatan giliran keutamaan semasa melaksanakan transaksi deposit dan/atau pengeluaran dan/atau kiriman wang di mana-mana kaunter Pusat/Juruwang Privilege Banking Bank.
- **Perkhidmatan Pengeluaran:** Anda berhak mendapat Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Buku Bank. Bagaimanapun, anda perlu hadir sendiri ke cawangan Bank dan perlu menunjukkan kad pengenalan anda apabila diminta untuk tujuan pengenalan dan pengesahan. Kemudahan ini adalah untuk pemegang akaun peribadi sahaja dan pengeluaran adalah terhad kepada pemegang akaun iaitu pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- **Pengeluaran dana Deposit Tetap (FD) tanpa resit FD:** Anda berhak mengeluarkan FD anda tanpa resit FD. Bagaimanapun, anda perlu menandatangani Surat Tanggung Rugi yang menyatakan bahawa anda tidak lagi boleh menuntut dana tersebut kemudian dengan menggunakan resit yang ada pada anda. Anda perlu menunjukkan kad pengenalan anda apabila diminta untuk tujuan pengenalan dan pengesahan.
- **Akses percuma ke Plaza Premium Lounge:** Anda dapat menikmati akses percuma ke Plaza Premium Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) dengan Kad Debit Alliance Privilege anda. Bagaimanapun, anda perlu menunjukkan Kad Debit Premium Alliance Privilege anda untuk menikmati akses percuma tersebut. Sila ambil maklum bahawa akses ke Plaza Premium Lounge di KLIA dan KLIA 2 masing-masing adalah terhad kepada sembilan puluh (90) orang ahli dan tujuh puluh (70) orang ahli sahaja bagi setiap bulan. Bank mempunyai hak dan anda dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mengecaj bayaran masuk ke Plaza Premium Lounge yang berkenaan kepada Kad Debit/Kredit Alliance Bank anda sekiranya anda gagal memenuhi kriteria kelayakan yang terkandung di sini pada bila-bila masa dan pada setiap masa semasa menggunakan Plaza Premium Lounge.

3. Maklumat

Anda dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai atau berkenaan dengan anda, hal ehwal anda dan/atau akaun perbankan kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau pembekal yang dilantik bagi tujuan menyediakan atau memenuhi keistimewaan dan perkhidmatan PB. Anda selanjutnya bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada kumpulan syarikat Bank yang terlibat dalam promosi, jualan, penghantaran dan pengedaran produk dan perkhidmatan kewangan untuk memudahkan tujuan operasi, perniagaan, jualan silang, perikatan strategik, pemasaran dan/atau promosi Bank dan/atau kumpulan syarikat Bank. Walaupun kenyataan di atas adalah bersifat umum, Bank mengakui bahawa ia hanya akan mendedahkan maklumat anda (tidak termasuk maklumat berkenaan hal ehwal atau akaun anda) kepada pihak ketiga, termasuklah kumpulan syarikat Bank yang berada, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di Malaysia, bagi tujuan jualan silang, perikatan strategik, pemasaran dan promosi, sekiranya anda telah memberi kebenaran bagi pendedahan tersebut.

4. Pertukaran Alamat Dan Maklumat Perhubungan

Anda harus memberitahu Bank secara bertulis dengan segera mengenai sebarang perubahan alamat surat-menyurat dan maklumat perhubungan anda.

5. Penamatan Keahlian PB

- 5.1. Keahlian PB adalah tertakluk kepada kemampuan anda untuk memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Bank kepada anda secara berterusan. Sekiranya kriteria kelayakan tersebut tidak dipenuhi pada satu-satu masa, Bank menurut budi bicara boleh menurunkan taraf keahlian PB anda dengan memberi notis kepada anda terlebih dahulu.
- 5.2. Anda boleh menamatkan keahlian PB anda dengan memberikan notis bertulis kepada Bank.
- 5.3. Keahlian PB anda dan segala perkhidmatan dan keistimewaan PB akan ditamatkan serta-merta setelah kematian atau kebangkrutan anda.
- 5.4. Keahlian PB ditawarkan kepada anda menurut budi bicara Bank dan Bank boleh membatalkan keahlian PB anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda terlebih dahulu tanpa menetapkan sebarang alasan.

6. Fi dan Caj

Kecuali ditetapkan sebaliknya di sini, caj Bank adalah tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin akan dikenakan, menurut undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh di mana pelaksanaan sebarang cukai dikuatkuasakan pada masa akan datang dan di mana yang berkenaan, Bank akan berhak untuk mendapatkan cukai tersebut daripada anda.

7. Had Liabiliti dan Tanggung Rugi

- 7.1. Bank tidak akan menanggung atau bertanggungjawab kepada anda dalam sekiranya Bank atau mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau pembekal tidak dapat menjalankan sebarang obligasi di bawah ini atau menunaikan keistimewaan dan perkhidmatan PB secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan oleh sebarang kejadian force majeure termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian perindustrian, sekat masuk, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.
- 7.2. Sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan keistimewaan dan perkhidmatan PB atau keahlian PB tidak memberikan hak kepada anda untuk membuat apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh anda yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 7.3. Anda akan melindungi Bank daripada segala kos dan perbelanjaan (termasuklah fi guaman atas dasar tanggung rugi) yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan Terma dan Syarat tersebut dan untuk mendapatkan semula sebarang amaun yang perlu dibayar kepada Bank atau yang ditanggung oleh Bank.

8. Pelepasan

Tiada pelepasan yang diberikan oleh Bank dalam menguatkuasakan Terma dan Syarat ini akan menjejaskan hak Bank untuk menguatkuasakannya dengan tegas selepas itu.

9. Perubahan Terma dan Syarat

Bank berhak mengubah, menambah dan/atau memotong Terma dan Syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis kepada anda terlebih dahulu dengan meletakkannya pada laman web Bank, mempamerkan di premis cawangan atau melalui iklan atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh Bank dan perubahan, penambahan dan/atau pemotongan tersebut akan mengikat anda dari tarikh pemberitahuan atau dari tarikh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut.

10. Undang-undang yang Mentadbir

Terma dan Syarat tersebut adalah ditadbir oleh dan hendaklah diertikan menurut undang-undang Malaysia.

11. Bahasa

Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten, konflik, keraguan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris atau mana-mana versi lain Terma-Terma dan Syarat-syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.